

Majlis Penyerahan Wakaf Di SMK Taman Kosas, Ampang, Selangor

Rabu, 13 Februari 2013 16:47



- MALAY VERSION ONLY -

UCAPAN

Y.BHG. DR. JALALUDIN HARUN, KETUA PENGARAH
LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)
SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN WAKAF
DI SMK TAMAN KOSAS, AMPANG, SELANGOR
PADA 16 NOVEMBER 2009

Y.Bhg. Tuan Haji Abd. Razak Ibrahim
Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Kosas, Ampang

Y. Berusaha, En. Azaddin bin Abd. Aziz
Yang Di Pertua PIBG, SMK. Taman Kosas

Pengarah-pengarah Bahagian Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, guru-guru, pelajar-pelajar tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum w.b.t. salam sejahtera dan selamat pagi

1. Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan penuh kesyukuran ke hadrat Illahi, kerana dengan limpah kurnia serta izinNya serta mengambil kesempatan merakamkan ucapan ribuan terima kasih kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan sepatah dua kata sempena Majlis penyerahan wakaf kepada SMK Taman Kosas, Ampang, Selangor.

Hadirin yang saya hormati,

2. Saya amat berbangga kerana pada tahun ini kita dapat menyumbang sebuah wakaf kepada SMK Taman Kosas yang merupakan sekolah angkat MTIB. Ini merupakan projek Corporate Social Responsibility (CSR) atau Tanggungjawab Sosial Korporat di bawah Bahagian Perancangan Strategik dan Ehwat Korporat MTIB. Ini adalah sejajar dengan kempen Penggunaan Kayu di Pasaran Tempatan supaya masyarakat mengambil peluang untuk mengaplikasikan bahan-bahan kayu di dalam kehidupan seharian.

3. Saya mengambil kesempatan untuk menerangkan sedikit latar belakang berhubung peranan MTIB. Ianya ditubuhkan pada 1 Jun 1973 melalui Akta Parlimen, iaitu Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Akta 105). Peranan utamanya ialah untuk menggalakkan pembangunan perusahaan kayu tempatan terutamanya berkaitan dengan penggunaan kayu untuk pengeluaran produk yang bernilai tambah, serta memperluaskan pasarannya di dalam dan juga di luar negara.

Hadirin yang saya hormati,

4. Dalam meneruskan usaha memantapkan industri perkayuan adalah menjadi tanggungjawab MTIB menyalurkan maklumat melalui program pendidikan perkayuan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah dan institut pengajian tinggi awam dan swasta melalui ceramah serta pameran peluang kerjaya yang diadakan mengikut jadual. Pada tahun ini sahaja seramai 20 orang pelajar lepasan Diploma dan Ijazah telah tamat mengikuti latihan "Profesional Management Development Program" selama 4 bulan bertempat di Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Perkayuan (WISDEC) Olak Lempit Banting, Selangor. Pada masa sekarang, dua program sedang berjalan bagi lepasan SPM iaitu "Timber Processing & Finishing Technology"

dan Kursus Kemahiran Perabot tajaan Kementerian Belia dan Sukan. Kedua-dua kursus ini mengambil masa selama 9 bulan dan akan berakhir pada bulan Disember 2009.

5. Menyedari keperluan serta kepentingan pendidikan modal insan kelas pertama, MTIB juga sering mengadakan program usahasama dengan pihak pejabat pelajaran daerah. Pada 12 Julai 2009 program jerayawara pendidikan perakyuan telah diadakan di SMK Seri Mahawangsa, Jitra Kedah dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Daerah Kubang Pasu. Sebanyak 20 buah sekolah menengah telah terlibat bagi menjayakan program ini. Ini adalah bertujuan memberikan peluang kepada pelajar mengambil bahagian secara "hands-on" disamping pendedahan peringkat asas berhubung pengenalan kepada spesies hutan kayu tropika khusus kepada pelajar vokasional perabot yang termasuk dalam sistem pembelajaran untuk peperiksaan SPM.

6. Sebagai agensi pelaksana di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, MTIB telah membantu melaksanakan projek perintis Penanaman Pokok di Sekolah. Dalam hal ini tiga buah sekolah di Johor iaitu, Sekolah Kebangsaan Ulu Dengar, SMK Kahang Timur, Keluang, Johor dan Sek. Kebangsaan Kompleks Sultan Abu Bakar, Gelang Patah, Johor. Projek ini adalah projek kerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM), Majlis Kayu Kayan Malaysia (MTC), Jabatan Alam Sekitar dan Persatuan Pencinta Alam. Objektif utamanya adalah untuk memberikan pendidikan asas berhubung spesies kayu hutan tropika yang merupakan sumber bio diversiti dan sumbangan kepada ekonomi negara. Sehubungan dengan ini kerjasama semua pihak amat diperlukan untuk mewujudkan transformasi dalam memperkasakan dasar pendidikan bukan sahaja bijak didalam akademi tetapi tahu menghargai sumber alam.

7. Sebagai penutup bicara, saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada SMK Taman Kosas sudi mengadakan majlis penyerahan wakaf pada hari ini. Juga tidak lupa kepada urusetia yang telah bekerjasama dalam menjayakan program ini. Saya amat berbesar hati dengan kerjasama yang telah diberikan bagi merealisasikan program pada hari ini dan berharap jalinan kerjasama ini akan berterusan di masa-masa akan datang.

Dari Kosas ke pekan Kajang
Membeli ikan diwaktu pagi
Kalau ada umur yang panjang
Di lain majlis berjumpa lagi

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat maju jaya dan mendoakan khususnya kepada pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan SPM yang tak lama lagi semoga mereka mendapat keputusan cemerlang.

Saya dengan lafaz Bismillahirohmanirohim menyerahkan wakaf kepada SMK Taman Kosas dengan rasminya.

Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik walhidayah wassalammualaikum w.b.t

